

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10 / 5 / 1983

Mahathir alu-alu azam Jepun kukuhkan hubungan

KUALA LUMPUR, 9 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengalu-alukan keazaman Jepun untuk memperkukuhkan hubungan dengan ASEAN terutamanya hasrat meletakkan pertalian itu ke satu tahap yang baharu.

Perdana Menteri berkata: "Saya setuju sepenuhnya dengan pendapat bahawa ASEAN dan Jepun tidak boleh sekadar mengamalkan dasar-dasar yang sedia ada."

"Saya berharap penekanan baru dalam dasar Jepun itu akan menghasilkan pemesatan kerjasama dan mewujudkan perkongsian yang lebih saksama dan mengukuhkan antara satu sama lain."

Serentak dengan itu, dalam ucapan balasnya di majlis makan tengah hari yang diberikan oleh Perdana Menteri Jepun, Encik Yasuhiro Nakasone bagi merayakan be-

liau, Datuk Sri Dr. Mahathir membidas kuasa-kuasa perindustrian yang tunduk kepada tekanan dalam negeri untuk mengadakan dasar perlindungan.

Beliau menganggap sikap ini sebagai salah satu ancaman serius kepada ekonomi dan perdagangan dunia.

Kata Perdana Menteri, adalah menyedihkan keadaan serupa itu terjadi semasa dunia mengalami kemelesetan dan ia merupakan halangan sebenar kepada pencapaian awal peraturan baru ekonomi antarabangsa.

Beliau kesal kerana negara-negara yang mendakwa menjadi pendukung perdagangan bebas itu sendiri telah menjadi apa yang dipanggilnya pedagang bebas yang mengambil kesempatan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia telah kerap kali bercakap

menentang dasar perlindungan yang semakin berleluasa dan akan terus berbuat demikian untuk mengekalkan sistem perniagaan bebas di mana Malaysia meletakkan keyakinan.

Perdana Menteri gem-bira dengan keazaman Encik Nakasone untuk mencegah dasar perlindungan dan berkata: "Saya terhutang budi kepada Kerajaan Jepun yang mengambil kira keperluan Malaysia untuk mendapatkan peluang memasuki pasaran Jepun."

Beliau juga bangga mendapati antara langkah yang dijalankan oleh Jepun di bawah dasar barunya terhadap ASEAN ialah pemindahan teknologi dan kerja-

sama dalam bidang sains.

"Bagi Malaysia, kami memerlukan pemindahan teknologi anda dan juga kerjasama dalam sains dan teknologi supaya dapat meneruskan tempo pembangunan ekonomi," katanya.

Sambil menyambut baik syor Encik Nakasone supaya diadakan persidangan peringkat menteri bagi membincangkan kerjasama dalam sains dan teknologi, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata menerusi kerjasama seperti itu, ASEAN berharap dapat mengurangkan jurang teknologi agar perhubungan ASEAN-Jepun lebih stabil.

Menurutnya, sebagai satu kumpulan, ASEAN merupakan rakan perda-

LIHAT MUKA 144

Bisik-Bisik

KATA Datuk Sri Dr. Mahathir ada kempen teratur sedang dijalankan untuk menghasut orang-orang asing dan rakyat tempatan supaya menentang dasar pandang ke Timur.

Pada pandangan golongan ini orang Asia tidak boleh pandang ke Asia kerana yang lebih layak jadi guru hanyalah orang-orang Barat. Jepun maju pun kerana melihat ke Barat.

Sebenarnya orang-orang ini tidak nampak bahawa di dalam memandang ke Timur, kita tidaklah pula menutup mata ke Barat.

Awang — Kadang-kadang tengok diri sendiri.

Awang Selamat